The Borneo Post: 14 November 2026

Curi rim motosikal, lelaki kena tiga tahun

MIRI: Seorang lelaki dijatuhi hukuman penjara tiga tahun oleh Mahkamah Majistret semalam selepas mengaku bersalah mencuri sepasang rim motosikal milik seorang wanita.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Umi Syukriah Harun selepas meneliti beberapa faktor termasuk pengakuan bersalah tertuduh, rayuannya, fakta kes, keseriusan kesalahan serta mengambil kira kepentingan awam.

Tertuduh, Mohd Tarmizi Tarmizan, 28, dari Kampung Senadin, Lutong di sini didakwa mengikut Seksyen 379A (1) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara tidak kurang setahun dan tidak melebihi tujuh tahun serta denda, jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan kes, tertuduh didapati telah mencuri komponen motosikal iaitu sepasang rim milik seorang wanita berusia 44 tahun.

Kesalahan itu dilakukan tertuduh pada jam 4 pagi, 10 November lalu di sebuah rumah di Bandar Baru Permyjaya di sini.

Menurut fakta kes, pada hari sama, satu laporan polis telah dibuat seorang wanita di Balai Polis Lutong di sini.

Dalam aduannya, pengadu mendakwa pada jam 7.30 pagi hari sama, beliau mendapati sepasang rim motosikal milik anaknya yang diletakkan di hadapan rumah telah hilang dipercayai dicuri individu tidak dikenali.

Siasatan lanjut polis mendapati tertuduh mengaku mencuri sepasang rim berkenaan dengan membukanya menggunakan spanar.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa ASP Mary Ong, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.